

Utiliti kepuasan guru dari aspek iklim sekolah

UB 20.9.2017 B4

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG
& NURJANNAH F.A KARIMING

DALAM gelombang kemajuan dunia pendidikan hari ini, pelbagai isu yang diutarakan dan dibincangkan. Isu-isu seperti perkembangan teknologi, masalah sahsiah, perubahan dasar dan banyak lagi isu yang sering menjadi wadah perbincangan bermula di kedai-kedai kopi sehingga ke meja-meja persidangan antara bangsa. Faktor seperti tekanan kerja, kepimpinan, personaliti, persekitaran organisasi dan pelbagai lagi faktor penyumbang utiliti kepuasan kerja guru hari ini.

Melahirkan individu yang seimbang dari aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani merupakan matlamat dunia pendidikan dan bukan hanya melahirkan anak bangsa yang bijaksana semata-mata. Pembangunan modal insan hendaklah selari dengan perkembangan rohani yang baik. Pepatah menyatakan sekiranya kita ingin melihat bagaimana negara kita akan datang maka lihatlah belia kita hari ini. Pembangunan negara mahupun perkembangan modal insan akan lebih berfokus kepada pendidikan. Terlalu banyak perubahan dasar dan sistem pendidikan yang berubah demi melihat perkembangan bidang ilmu era kini. Pembangunan modal insan hendaklah bermula dari rumah hinggalah ke institusi ilmu sama ada formal mahupun tidak formal.

Dalam konteks pendidikan moden hari ini, personaliti guru memainkan peranan yang penting dalam menjayakan hasrat falsafah negara. Namun begitu ibu bapa dan institusi

keluarga adalah paling dominan dengan perkembangan anak masing-masing. Cabaran guru hari ini sangat mengujakan termasuklah beban tugas sampingan sehinggakan tidak berkesempatan untuk melaksanakan tugas utama guru iaitu terlibat secara total dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini tidak dapat dinafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan adakalanya tugas bukan dirancang datang dengan tidak diduga. Penambahan beban tugas ini sudah tentu akan membawa kesan kepada mutu dan kualiti pengajaran guru.

Aspek iklim sekolah juga sering menjadi perbualan hari ini. Ketersediaan guru dan pelajar dalam menghadapi perubahan dunia pendidikan secara menyeluruh selalu dikaitkan dengan keselesaan dan keadaan organisasi seperti pentadbiran dan sistem sesebuah pendidikan. Iklim sekolah terutama faktor dalam memberi kesan yang sangat signifikan kepada kepuasan kerja guru khususnya. Pencapaian sekolah sering dikaitkan dengan suasana sekolah yang kondusif dan selesa. Iklim organisasi sekolah juga merupakan ciri-ciri yang memberi gambaran tentang sesebuah sekolah yang membezakannya daripada sekolah-sekolah yang lain.

Memenuhi tuntutan persekitaran sekolah sehingga dapat meningkatkan kepuasan kerja guru sekali gus memberi peluang kepada guru untuk melakukan inovasi dan kreativiti dalam mengamalkan tugas mereka. Isu tuntutan utiliti kepuasan kerja guru menjadi topik hangat yang sering dibicarakan. Seperti mana hari ini semua sistem perekodan

markah dan data menggunakan Internet namun kemudahannya yang tidak memuaskan. Ketiadaan dan kerosakan rangkaian menjadi kekangan yang kerap dan sering berulang. Guru baharu mahupun guru berpengalaman yang telah berkhidmat berpuluh tahun ramai mengatakan tiada sudah keseronokan menjadi guru. Tugas utama mengajar sudah tidak menjadi keutamaan kerana dek dibebani tugas sampingan yang memerlukan masa yang singkat untuk disiapkan.

Isu kepuasan guru di sekolah perlu diambil peduli terutama dari pihak pentadbir sekolah khususnya dan isu kepuasan kerja dalam kalangan guru perlu ditangani dengan baik. Terdapat pelbagai situasi yang boleh menimbulkan ketidakpuasan kerja seperti pentadbiran yang pilih kasih, pentadbir yang tidak mementingkan kebajikan guru, sumbangan guru tidak dihargai dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung mengusik motivasi subordinat bawahan yang sentiasa sedia berkhidmat. Ponteng kerja adalah perkara yang serius yang dilakukan oleh guru yang tidak mencapai tahap kepuasan kerja.

Terdapat kajian membuktikan bahawa organisasi yang berjaya mengamalkan budaya menghargai pekerja dengan merangsang, mengaplikasikan dan menggunakan idea-idea, kreativiti dan keupayaan guru menyebabkan guru rasa dihargai. Faktor pengiktirafan memberi nilai yang besar kepada guru kerana mereka rasa dihargai dan disokong untuk terus berjaya menjayakan misi dan visi sekolah. Penghargaan ini meningkatkan self-esteem guru terutama apabila pengetua mendapatkan pandangan mereka dan melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan

berkaitan dengan bidang atau kepakaran mereka.

Pembangunan sistem pendidikan di Malaysia berada pada tahap yang memerlukan perubahan mengikut keperluan semasa. Perkhidmatan dalam pendidikan lebih kepada menyebarkan ilmu pengetahuan dan lebih berkonsep menolong insan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan manakala perniagaan biasa lebih kepada membuat keuntungan kepada organisasi masing-masing. Suasana organisasi melambangkan kualiti persekitaran sesebuah organisasi secara relatifnya. Iklim organisasi ini dibentuk melalui persepsi pekerja dalam organisasi dan menjadi asas kepada pembentukan sikap seseorang pekerja terhadap organisasinya.

Iklim sekolah merupakan faktor penyumbang kepada pencapaian prestasi sekolah. Gibson, seorang pemikir pendidikan berpendapat bahawa iklim organisasi boleh menggambarkan iklim secara psikologi atau personaliti sesebuah organisasi. Persekitaran sekolah dipengaruhi ahli-ahlinya yang menjadi penggerak kepada perkembangan sesebuah organisasi. Iklim organisasi merupakan faktor yang berpengaruh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, juga merupakan penyebab kegagalan sesuatu pekerjaan. Keadaan sekolah yang tidak kondusif akan menimbulkan rasa tidak selesa dalam melaksanakan tugas seharian.

Prestasi sesebuah sekolah juga dipengaruhi oleh keadaan iklim sekolah tersebut, iaitu dirujuk bagaimana sebuah sekolah ditadbir. Komunikasi yang berlaku dalam sekolah hendaklah baik dan harmoni.

Terdapat beberapa faktor yang berkait rapat dengan persekitaran organisasi sekolah khususnya. Struktur organisasi, tanggungjawab, ganjaran, risiko, hubungan mesra, sokongan, piawai, konflik dan identiti untuk mengukur sama ada faktor ini mempunyai hubungan dengan prestasi dan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja. Guru yang mencapai kepuasan kerja berhubung secara terus dengan prestasi kerja guru khususnya. Iklim sekolah seperti autonomi, struktur, ganjaran, pertimbangan, hubungan mesra dan sokongan.

Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Dunia pendidikan hari ini memerlukan guru yang komited dengan kerjanya. Pelbagai isu yang timbul kerana terdapat individu yang menjadikan bidang keguruan sebagai bidang terjun ataupun dalam kata lain tiada pilihan kerjaya yang lain. Kesungguhan menjadi guru adalah sesuatu yang sangat kompleks untuk diperkatakan. Secara teori dan praktiknya, nilai sahsiah guru itu dapat dicerminkan dari personaliti seseorang melalui perbualan, pergaulan, gaya bercakap, perwatakan dan sebagainya.

Dapat dilihat guru yang komited dengan kerjayanya akan sentiasa berusaha bersungguhsungguh untuk memajukan anak didiknya. Tidak dapat dinafikan hari ini terdapat segelintir guru yang tidak memenuhi etika profesion keguruan seperti tidak masuk kelas, ponteng kerja dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, pelbagai penilaian ataupun tapisan ujian telah dilakukan untuk menjadi seorang guru seperti ujian dan temuduga berperingkat.

Persekitaran sekolah ataupun

suasana sekolah mencerminkan ciri-ciri Islam yang sebenar, boleh menyediakan persekitaran harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat- menghormati dan pelaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian murid. Lantaran itu pengetua atau guru besar seharusnya berperanan sebagai penyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran serta bertindak sebagai pencetus, penggerak dan pembina tamadun Islam khususnya. Ciri iklim sekolah yang baik dan kondusif seperti bersih, cantik, selamat dan ruang belajar yang cukup akan menjadikan para guru dan murid akan merasa tenang, tenteram dan bersemangat.

Kesimpulannya dalam memartabatkan pendidikan negara pelbagai aspek perlu dilihat bagi memastikan objektif falsafah pendidikan negara dapat dilaksanakan. Namun yang demikian kepuasan kerja guru perlu dirungkai dengan tuntas agar prestasi juga dapat terserlah.

Seiring dengan slogan memajukan anak bangsa yang dinamik dan berkebolehan serta berkemahiran untuk memenuhi pasaran kerja akan datang. Namun aspek nilai agama jangan sekali-kali dilupakan kerana agama merupakan tunggak kejayaan ummah. Kejayaan sesuatu bangsa itu bukan hanya melihat kemajuan dalam pembangunan negara. Jiwa bangsa yang utuh jauh lebih penting untuk melahirkan bangsa yang lebih bertamadun.

*Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah